

06/02/2005

Azlan akan disahkan pengerusi baru Proton

KUALA LUMPUR: Datuk Azlan Hashim akan disahkan sebagai pengerusi baru Proton Holdings Bhd (Proton) pada mesyuarat lembaga pengarah Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) akan datang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Khazanah adalah pemegang saham majoriti dalam Proton iaitu syarikat pengeluar pertama kereta nasional. Azlan sebelum ini ialah Pengarah Khazanah dan bekas Pengerusi Eksekutif Bursa Malaysia.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengesahkan pelantikan Azlan bagi menggantikan Datuk Abu Hassan Kendut yang meletak jawatan awal minggu ini.

Abdullah pada sidang media selepas menyampaikan Amanat Presiden pada pemimpin Umno pelbagai peringkat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam, bagaimanapun, enggan mengulas lanjut berhubung perkara itu sambil menegaskan mesyuarat lembaga pengarah Khazanah dijangka diadakan dalam masa terdekat.

Kelmarin, akhbar New Straits Times (NST) melaporkan Azlan yang juga bekas Pengerusi Eksekutif Bursa Malaysia, dijangka dilantik sebagai pengerusi baru Proton, berikutan peletakan jawatan Abu Hassan awal minggu ini.

Sumber memberitahu, Azlan dilihat sebagai calon terbaik bagi menggantikan Abu Hassan, seorang tokoh korporat yang dihormati.

Difahamkan, Abu Hassan meletak jawatan berikutan keputusan Khazanah untuk menimbangrayuan yang dibuat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menyambung kontrak Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff sebagai Ketua Eksekutif Proton.

Lembaga pengarah Proton sebelum ini memutuskan tidak menyambung kontrak Tengku Mahaleel dan mahu melantik ketua eksekutif baru.

Sementara itu di PUTRAJAYA, Dr Mahathir pada sidang medianya menolak dakwaan kononnya beliau mengenakan tekanan ke atas kerajaan supaya menyambung kontrak Tengku Mahaleel.

Bagaimanapun, bekas Perdana Menteri itu yang juga Penasihat Proton, mengakui beliau diminta memberi pandangan berhubung kedudukan Tengku Mahaleel dalam Proton.

Beliau berkata, Menteri Kewangan II, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, dalam satu pertemuan dengannya kira-kira sebulan lalu, meminta pandangan beliau sama ada Tengku Mahaleel perlu dikekalkan.

"Saya tidak pernah menggunakan sebarang tekanan ke atas kerajaan. Saya selalu kata, apabila saya bersara saya tidak akan ganggu kerajaan.

"Saya tidak ada kaitan dengan Hassan Kendut atau sesiapa pun," katanya pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Dr Mahathir membuat penjelasan itu berikutan laporan The Asian Wall Street Journal bahawa peletakan jawatan Abu Hassan itu kerana keputusan Khazanah menimbangrayuan beliau supaya menyambung kontrak Tengku Mahaleel.

Laporan akhbar itu menyebut Dr Mahathir mahukan Tengku Mahaleel kekal kerana beliau penting dalam rancangan pengembangan syarikat berkenaan. Khazanah Nasional menerima rayuan itu dan membenarkan Tengku Mahaleel menyambung tugasnya dua tahun lagi.

"Beliau (Nor Mohamed) bertanya saya dan saya secara jujur memberitahunya dan berkata ya (patut dikekalkan)," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak merayu kepada Khazanah Nasional atau

Lembaga Pengarah Proton supaya mengekalkan Tengku Mahaleel.

Dr Mahahir berkata, tiada sebab Tengku Mahaleel tidak dikekalkan kerana prestasinya bagus dan mengembangkan syarikat kereta nasional itu.

(END) Source : Berita Harian